

Kronologi tulisan dan cetakan al-Quran

Bicara qiraat

Oleh KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

SATU-satunya mukjizat Nabi Muhammad SAW yang masih kekal hingga ke hari ini yang boleh dihayati oleh umat Islam ialah al-Quran. Allah SWT berfirman yang bermaksud: *Sesungguhnya Kami menurunkan al-Zikr (al-Quran) dan Kamilah yang menjaganya.* (al-Hijr: 9)

Sejarah membuktikan bahawa sejak ia diturunkan iaitu seribu empat ratus tahun dahulu hingga ke hari ini, al-Quran tetap terpelihara dengan baik.

Al-Quran terjaga dengan sempurna pada zaman Rasulullah dari bercampur dengan hadisnya. Pada permulaan turunnya wahyu, Rasulullah telah melarang para sahabat menulis hadisnya bersama al-Quran dengan mengarah supaya memadamkan hadisnya.

Larangan tersebut bagi memastikan al-Quran ditulis dengan terpelihara dari segala percampuran dengan hadis baginda. Walaupun ketika itu kelengkapan dan kemudahan penulisan tidak sempurna seperti hari ini namun semua ayat al-Quran ditulis oleh para sahabat sama ada di belulang, kepingan batu,

Pada zaman Uthman Ibn Affan, al-Quran disusun mengikut aturan yang ada sekarang ini sama ada ayat atau surahnya.

pelepah tamar dan lain-lain.

Pada zaman Abu Bakar al-Siddiq, al-Quran dikumpul dalam bentuk suhuf dengan maksud susunan ayat dalam surah diatur mengikut susunan yang ada sekarang tetapi surahnya belum diatur.

Pada zaman Uthman Ibn Affan, al-Quran disusun mengikut aturan yang ada sekarang ini sama ada ayat atau surahnya. Ibnu Hajar menyatakan susunan yang dibuat oleh Uthman yang menyusun ayat dan surah itu dinamakan mushaf.

Justeru perbezaan suhuf dengan mushaf adalah susunan pada surah. Peringkat awal, al-Quran disalin dengan tulisan tangan dari satu generasi hingga generasi seterusnya.

Perkembangan teknologi dalam penerbitan dengan terciptanya mesin cetak untuk menerbitkan buku dan majalah telah digunakan umat Islam untuk mencetak al-Quran.

■ KHAIRUL ANUAR MOHAMAD ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau juga adalah Ahli Lajnah Tashih al-Quran Kementerian Dalam Negeri.

